



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

4 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS)

BUDAK LELAKI CEDERA DISERANG ANJING

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Kes	Online	4 September



Seorang kanak-kanak lelaki berlumuran darah selepas digigit seekor anjing dalam kejadian dipercayai berlaku di sekitar Taman Megah, Cheras. - Foto tular

KAJANG: Seorang kanak-kanak lelaki berlumuran darah selepas digigit seekor anjing dalam kejadian dipercayai berlaku di sekitar Taman Megah, Cheras, di sini.

Detik cemas itu sempat dirakam dari jauh oleh orang awam yang berada di lokasi kejadian, sebelum kelihatan seorang penunggang motosikal datang cuba untuk menyelamatkan kanak-kanak terbabit.


Video tular berdurasi 11 saat itu memaparkan kanak-kanak malang berkenaan bergelut dengan haiwan itu selamat beberapa saat sebelum berjaya melarikan diri.

Turut tular gambar mangsa yang berlumuran darah dan jelas kelihatan beberapa kesan kulit terkoyak di bahagian kepala mangsa.

Video itu dikesan tular di Facebook hari ini dengan rata-rata warganet meminta tindakan segera diambil oleh pihak yang berkenaan. Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof ketika dihubungi, berkata pihaknya tidak menerima laporan berhubung insiden itu setakat ini namun akan membuat semakan lanjut

POLIS SIASAT KEJADIAN BUDAK ENAM TAHUN DIGIGIT ANJING

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Online	4 September



Oleh: Hilmi Abdul Malik

KUALA LUMPUR: Seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun cedera parah di kepala selepas digigit seekor anjing di sebuah taman perumahan di Batu 9, Cheras, semalam.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof, berkata kejadian berlaku pada jam 6.30 petang ketika mangsa sedang bermain basikal.

“Ketika kejadian yang berlaku pada jam 1830 hrs, mangsa dikatakan sedang bermain basikal

di kawasan berhampiran, secara tiba-tiba seekor anjing yang kebetulan berada di situ terus menyerang mangsa.

“Tindakan pantas beberapa orang jiran datang membantu berjaya menghalau anjing tersebut.

“Dalam kejadian ini, mangsa yang mengalami kecederaan di bahagian kepala telah dikejarkan ke Hospital Kajang serta berada dalam keadaan yang stabil,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Dalam perkembangan lain, Penguat Kuasa Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) turut hadir ke lokasi kejadian dan berjaya menangkap haiwan berkenaan.

Bagaimanapun, status haiwan itu masih dalam siasatan sama ada mempunyai pemilik atau sebaliknya.

Sebelum itu, polis menerima laporan daripada seorang lelaki berusia 20 tahun yang juga abang kepada mangsa.

Kes disiasat mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda tidak melebihi RM2,000, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Siasatan turut dijalankan mengikut Seksyen 41(1) Akta Binatang 1953, yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk memerintahkan

kuarantin ke atas haiwan terbabit.

Langkah itu bagi memastikan haiwan berkenaan tidak menghidap rabies atau penyakit lain yang boleh mendatangkan kemudaratan.

Orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan diminta tampil ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang bagi membantu siasatan.

Semalam, insiden serangan terhadap kanak-kanak itu tular di media sosial yang memaparkan detik mangsa diserang anjing sehingga cedera parah di kepala.

BUDAK LELAKI DIGIGIT ANJING KINI DALAM KEADAAN STABIL

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
MY Metro	Mutakhir	Online	4 September



Kajang: Kanak-kanak lelaki enam tahun yang digigit anjing di sebuah taman perumahan di Batu 9 Cheras di sini, semalam, seperti yang tular di media sosial, kini dalam keadaan stabil.

Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu daripada abang mangsa berusia 20 tahun pada

11.41 malam.

Katanya, kanak-kanak lelaki berkenaan diserang dan digigit anjing ketika bermain di jalan berhampiran tempat tinggalnya di sebuah taman perumahan di Batu 9, Cheras. "Ketika kejadian, mangsa dikatakan bermain basikal di kawasan berhampiran sebelum tiba-tiba seekor anjing yang kebetulan berada di situ terus menyerang mangsa.

"Tindakan pantas beberapa jiran yang datang membantu berjaya menghalau anjing berkenaan. Mangsa yang cedera di kepala dihantar ke hospital sejurus selepas kejadian.

"Kanak-kanak itu kini ditempatkan di Wad Kanak-kanak Hospital Kajang dan berada dalam keadaan stabil," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Naazron berkata, susulan kejadian itu, pihak Penguatkuasa Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) hadir ke lokasi kejadian selepas mendapat aduan daripada penduduk, dan haiwan berkenaan juga sudah ditangkap bagi tindakan selanjutnya.

"Status haiwan berkenaan masih dalam siasatan sama ada ia haiwan peliharaan berdaftar atau sebaliknya," katanya. Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan dan Seksyen 41(1) Akta Binatang 1953.

"Orang awam atau mana-mana individu yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian ini diminta untuk menghubungi IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) Kajang di talian 03-89114222 atau mana-mana balai polis berhampiran atau terus menghubungi Pegawai Penyiasat kes Inspektor Nursyaza Farhah Samhairi di talian 017-6919817.

"Polis juga menyeru orang ramai yang ingin memelihara anjing di mana-mana premis termasuk rumah persendirian supaya mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan serta memastikan haiwan peliharaan dikawal rapi supaya kejadian seperti ini dapat dielakkan," katanya.

Semalam, Harian Metro melaporkan, seorang kanak-kanak lelaki parah di kepala selepas diserang seekor anjing dalam kejadian dipercayai sekitar Taman Megah, Cheras.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Education Guide	7	4 September

Leading the way in animal health

THE Medical and Health Sciences cluster at Management and Science University (MSU) has made history as the first private university in Malaysia to offer a Doctor of Veterinary Medicine (DVM) programme, strengthening the nation's veterinary education landscape.

This milestone comes with the inauguration of the School of Veterinary Medicine (SOV), further expanding the university's Medical and Health Sciences cluster.

The soft launch of SOV was officiated by MSU president and founder, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid.

Other distinguished guests included MSU vice-chancellor Prof Puan Sri Dr Junainah Abd Hamid, International Affairs vice-president Prof Dr Indang Ariati Ariffin, International Medical School dean Prof Dr Mohamad Khairuddin Abdul Wahab, MSU School of Veterinary Medicine advisory board members Prof Datin Paduka Setia Dr Aini Ideris and Prof Dr Abd Aziz Saharee, as well as members of the university's senior management team.

Among those present was SOV's newly appointed dean, Prof Datuk Dr Bashir Ahmad Fateh Mohamed.

In his opening address, Prof Dr Mohd Shukri said establishing SOV is the university's commitment to advancing the animal



health industry.

"We are also exploring the perspective of veterinary education, research, and professional standards in line with global standards.

"This initiative goes beyond animal health, impacting community safety, the food system, and the supply chain within our country.

"We believe that SOV can complement and contribute to the nation's veterinary education landscape.

"We express our gratitude to

all well-wishers and supporters who have enabled us to launch and run SOV," he said.

During the event a Memorandum of Understanding (MOU) was also exchanged between MSU, through the School of Veterinary Medicine (SOV), and its industry partners: Vet Partners (M) Sdn Bhd, Teguh Setia Jaya, and AGK Dairy Fresh Sdn Bhd aimed at further strengthening collaborative efforts in the field of veterinary medicine.

In conjunction with the launch,

Prof Dr Shukri (centre) and Prof Dr Junainah (on his right) are pictured with the industry partners of MSU's School of Veterinary Medicine at an MOU exchange ceremony.

a forum titled 'Advancing Animal Industry through Excellence in Veterinary Education' was held, featuring thought-provoking insights from distinguished guests across academia, industry, and professional veterinary practice.

The keynote was delivered by Department of Veterinary Services acting director-general Dr Mohd Noor Hisham Mohd Harun.

The first session of the forum included presentations by Livestock Farmers' Associations

of Malaysia (FLEAM) adviser Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee, on poultry and non-ruminants; AGK Dairy Fresh Sdn Bhd co-founder Khairul Sukri on ruminants; and Malaysian Small Animal Veterinary Association (MSAV) former president Dr Tan Cheek Nam on small animals and veterinary practice.

The second session featured Dr Aini, who shared insights on veterinary research, followed by Prof Datuk Dr Bashir Ahmad, who spoke on advancements in veterinary education.

The forum was moderated by Malaysia College of Veterinary Specialists council member and registrar, Prof Dr Abdul Aziz Saharee, who is also a member of the Malaysia Veterinary Council.

The establishment of the School of Veterinary Medicine (SOV) complements the existing faculties at MSU, which include the Faculty of Health and Life Sciences, the Faculty of Business Management and Professional Studies, the Faculty of Information Sciences and Engineering, the International Medical School, the School of Pharmacy, the School of Dentistry, the School of Education and Social Sciences, the School of Hospitality and Creative Arts, the School of Graduate Studies, the Graduate School of Management, and the Centre for Fundamental Studies.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR